

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PROGRAM KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)**

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah peserta Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) pada tahun 2018, dan selepas penjajaran IPR dilaksanakan.
- b) Apa tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak dapat KISS tidak tercicir?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2018, jumlah keseluruhan penerima manfaat KISS adalah seramai 39,448 orang. Manakala bilangan penerima selepas penjajaran adalah seramai 11,462 orang.
- b) Dalam memastikan rakyat Selangor yang layak menerima manfaat KISS ini tidak tercicir, Kerajaan Negeri melalui Pusat Khidmat Masyarakat dan pihak Selcare Management Sdn Bhd akan membuat hebahan dan mewar-warkan kepada semua peserta untuk berdaftar ke dalam sistem e-Kasih atau Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi memastikan rekod mereka tidak keciciran ketika pemilihan dilakukan untuk masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : KAWALAN DENGGI DENGAN WOLBACHIA**

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah lokaliti di Selangor yang telah menjalankan kawalan biologi menggunakan Nyamuk Aedes dengan Wolbachia mengikut daerah.
- b) Nyatakan kos perbelanjaan untuk melaksanakan kawalan biologi menggunakan Nyamuk Aedes dengan Wolbachia untuk satu lokaliti.

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat 16 lokaliti yang menjalankan kaedah biologi nyamuk Aedes Aegypti atau telur berWolbachia di Selangor. Masing-masing dua (2) lokaliti di daerah Gombak dan 14 lokaliti di daerah Petaling dalam dua fasa berlainan iaitu:

**Fasa Penyelidikan**

Bermula pada tahun 2017 melibatkan pelepasan nyamuk Aedes Aegypti dewasa berWolbachia di tujuh (7) lokaliti dan satu (1) lokaliti pelepasan telur nyamuk berWolbachia iaitu dua (2) lokaliti di daerah Gombak dan 6 lokaliti di daerah Petaling. Penyelidikan ini dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia sehingga kini.

**Fasa Pertama Pengoperasian**

Melibatkan pelepasan telur nyamuk Aedes Wolbachia yang dilaksana oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bermula 7 Julai 2019 melibatkan lapan (8) lokaliti, kesemuanya di daerah Petaling.

Fasa Pengoperasian seterusnya akan ditentukan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

- b) Maklumat dari pihak Institut Penyelidikan Perubatan.
- i) Bagi Fasa Penyelidikan yang masih berlangsung di 8 lokaliti, perbelanjaan menggunakan peruntukan dari Welcome Trust sebanyak RM3.8 juta
  - ii) Bagi Fasa Pertama Pengoperasian, sebanyak RM 1.23 juta diperlukan bagi tujuan penyediaan telur berWolbachia termasuk pemeriksaan QC bagi kajian nyamuk berWolbachia di semua 11 lokaliti terlibat termasuk tiga (3) lokaliti di Kuala Lumpur (sembilan batch pelepasan).

Pihak KKM telah memperuntukkan sebanyak RM 126,000.00 bagi kerja-kerja pengurusan serta persediaan pelepasan telur di lapangan untuk peringkat permulaan. Ini tidak termasuk kos-kos sumber lain seperti kerja-kerja melibatkan lebih masa anggota dan lain-lain.

Purata kos perbelanjaan untuk satu lokaliti bagi pelepasan telur *Aedes aegypti* berwolbachia secara operasi mulai 07 Julai 2019 ialah

**RM 111,772.00.**

**Kesannya :**

- i) Penurunan kes-kes Denggi sebanyak **40% - 60%** di setiap lokaliti yang melaksanakan program ini.
- ii) Fasa 2 – meliputi beberapa tempat di negeri –negeri lain di Malaysia akan bermula dalam bulan **September 2019**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : PENGARUSPERDANAAN GENDER**

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam usaha pengarusperdanaan gender (*gender mainstreaming*) dalam memastikan keseimbangan dalam pembentukan dasar dan Pembangunan Negeri?
- b) Berapakah jumlah pegawai dan penjawat awam wanita berbanding lelaki dalam pentadbiran Kerajaan Negeri pada masa kini?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri komited dalam memastikan pengarusperdanaan gender dilaksanakan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari 5 : Kesaksamaan Gender, Kerajaan Negeri menerusi Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor sedang berusaha melaksanakan beberapa langkah pengarusperdanaan gender bagi memastikan keseimbangan dalam pembentukan dasar dan pembangunan negeri:
  - 1) Penubuhan Jawatankuasa Gender antara Exco di mana jawatankuasa ini akan dipengerusikan secara tetap oleh YAB Dato' Menteri Besar dan peneraju utama oleh Pengerusi Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor. Jawatankuasa ini juga akan terdiri daripada YB-YB Exco yang dilantik setiap tahun untuk melaksanakan agena pengarusperdanaan gender di portfolio masing-masing.
  - 2) Pelantikan penyelarar gender di setiap portfolio yang dipanggil Gender Focal Point (GFP) bagi menyelarar dan melaksanakan dasar dan program gender seperti Pelan Tindakan Gender, Audit Gender dan mengutip Data Pecahan Jantina (Sex-Disaggregated Data (SDD) ) dalam setiap jabatan/agensi kerajaan serta sektor swasta.

- 3) Pembangunan kapasiti secara berterusan dan berkala mengenai Pengarusperdanaan Gender kepada penjawat-penjawat awam Kerajaan Negeri bagi memastikan iana dapat dilaksanakan dengan jaya dan mampan.

Kesemua pelaksanaan Pengarusperdanaan Gender dalam Kerajaan Negeri akan disokong kepakarannya oleh IWB Selangor dan pakar-pakar gender yang terbaik di Malaysia demi memastikan Negeri Selangor menjadi negeri terulung dalam melaksanakan Pengarusperdanaan Gender di Malaysia.

- b) Berdasarkan rekod yang dicapai melalui Sistem Analitik Sumber Manusia Sektor Awam (ASSIST), jumlah penjawat awam wanita di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seramai **9,200 orang atau 40.8% daripada jumlah keseluruhan penjawat awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.**

Berikut adalah pecahan jumlah penjawat awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan jantina dan status lantikan berdasarkan Sistem ASSIST sehingga 22 Julai 2019 :

BIL	LANTIKAN	TETAP	KONTRAK	JUMLAH KESELURUHAN
	JANTINA			
1	LELAKI	9,922	3,439	13,361
2	WANITA	6,962	2,238	9,200

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENDAFTARAN E-KASIH DI SELANGOR**

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pendaftar e-Kasih di Selangor yang terkini mengikut DUN?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri supaya memastikan lebih ramai daripada golongan B40 didaftarkan di dalam sistem e-Kasih?

**JAWAPAN:**

- (a) Jumlah pendaftaran eKasih di Selangor adalah sebanyak **39,338 Ketua Isi Rumah (KIR)** sehingga 15 Julai 2019.

Jumlah Pendaftaran eKasih mengikut DUN di Negeri Selangor sehingga 15 Julai  
2019

<b>NO.</b>	<b>DUN</b>	<b>MISKIN TEGAR</b>	<b>MISKIN</b>	<b>TERKELUAR</b>	<b>TOTAL</b>
1	Balakong	5	32	102	139
2	Bandar Baru Kelang	18	48	162	228
3	Bandar Utama	12	62	236	310
4	Banting	31	95	308	434
5	Batang Kali	206	438	1,207	1,851
6	Batu Tiga	38	144	664	846
7	Bukit Antarabangsa	9	36	131	176
8	Bukit Gasing	2	9	25	36
9	Bukit Lanjan	13	26	102	141
10	Bukit Melawati	110	229	528	867
11	Dengkil	45	217	840	1,102
12	Dusun Tua	22	138	526	686
13	Gombak Setia	49	99	328	476
14	Hulu Bernam	45	146	549	740
15	Hulu Kelang	12	34	150	196

16	Ijok	90	183	484	757
17	Jeram	111	271	718	1,100
18	Kajang	42	198	680	920
19	Kampung Tunku	7	15	65	87
20	Kinrara	22	56	312	390
21	Kota Anggerik	31	99	609	739
22	Kota Damansara	135	290	874	1,299
23	Kota Kemuning	39	121	463	623
24	Kuala Kubu Baharu	58	213	614	885
25	Kuang	107	224	579	910
26	Lembah Jaya	22	73	303	398
27	Meru	36	119	528	683
28	Morib	70	149	523	742
29	Pandamaran	19	27	142	188
30	Pandan Indah	10	29	135	174
31	Paya Jaras	43	111	493	647
32	Pelabuhan Klang	139	340	1,026	1,505
33	Permatang	129	317	754	1,200
34	Rawang	85	231	629	945
35	Sabak	264	494	815	1,573
36	Sekinchan	76	219	360	655
37	Selat Klang	57	164	527	748
38	Sementa	62	229	896	1,187
39	Semenyih	41	169	653	863
40	Sentosa	10	41	112	163
41	Seri Kembangan	3	22	112	137
42	Seri Serdang	42	66	325	433
43	Seri Setia	31	82	276	389
44	Sijangkang	69	147	470	686
45	Subang Jaya	8	25	97	130
46	Sungai Air Tawar	163	330	667	1,160
47	Sungai Burong	232	576	1,094	1,902
48	Sungai Kandis	49	187	708	944
49	Sungai Panjang	187	523	899	1,609
50	Sungai Pelek	20	156	624	800
51	Sungai Ramal	10	44	193	247
52	Sungai Tua	61	175	721	957
53	Taman Medan	47	99	582	728
54	Taman Templer	47	137	426	610
55	Tanjong Sepat	49	147	678	874
56	Teratai	12	21	90	123
	<b>TOTAL</b>	<b>3,352</b>	<b>8,872</b>	<b>27,114</b>	<b>39,338</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : JETI LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) KUALA SELANGOR**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Selangor di Pasir Penambang, DUN Permatang?
  
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membangunkan kawasan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pada masa sekarang, Kompleks LKIM Kuala Selangor di Pasir Penambang menempatkan Pejabat LKIM Daerah Selangor Utara dan Pejabat Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Selangor bagi memudahkan urusan-urusan berkaitan nelayan dijalankan. Selain itu aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan di Kompleks LKIM Kuala Selangor adalah seperti :
  - 1. Pusat Pengisytiharan Pendaratan Ikan LKIM
  - 2. Projek Jualan Runcit Minyak Diesel PNK Kuala Selangor
  - 3. Projek Medan Ikan Bakar dan Agrotourism
  - 4. Pusat Pemeriksaan Vesel Perikanan
  - 5. Pusat Pemprosesan IKS
  - 6. Ulangbekal bot APMM

Dari segi pendaratan ikan, pelbagai usaha telah dijalankan oleh LKIM termasuk mengadakan pertemuan bersama nelayan setempat namun nelayan masih tidak berminat untuk mendaratkan ikan di Kompleks LKIM Kuala Selangor, Pasir Penambang di atas beberapa faktor seperti kewujudan jeti-jeti persendirian di sepanjang sungai dan laluan ke kompleks tersebut serta keadaan muara sungai yang agak cetek untuk laluan vesel tangkapan ikan.



- b) LKIM dalam perancangan untuk menjadikan Kompleks LKIM Kuala Selangor sebagai Pusat Pertumbuhan Ekonomi Nelayan dengan penglibatan aktiviti agroturism dan pendaratan ikan.

Aktiviti Agrotourism yang dicadangkan adalah melalui kerjasama dengan syarikat yang membawa bot pelancong ke tempat-tempat menarik di Kuala Selangor dengan menjadikan Kompleks LKIM Kuala Selangor sebagai jeti penumpang. Perancangan ini bagaimanapun tidak akan mengganggu aktiviti-aktiviti lain di Kompleks LKIM Kuala Selangor. Dengan adanya aktiviti agrotourisme ini, dijangkakan Kompleks LKIM Kuala Selangor akan menjadi tumpuan orang ramai dan akan menggalakkan nelayan-nelayan sekitar akan mendaratkan ikan di Kompleks tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : CAJ BEG PLASTIK**

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan dasar yang akan direka jika ada, bagi memulangkan caj beg plastik sebanyak RM0.20 kepada Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui kempen *#Bebasplastik* pada masa ini mengenakan kutipan caj bagi setiap beg plastik bagi tujuan pendidikan dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai bahaya beg plastik terhadap alam sekitar dan kesihatan. Caj ini dikenakan oleh peniaga-peniaga di premis-premis perniagaan yang menyediakan beg plastik khususnya dalam skala yang besar kepada pengguna, seperti di pasar raya, *super mart*, pasar raya mini dan sebagainya.

Kerajaan Negeri pada ketika ini sedang mengkaji dan dalam proses menyelaras dasar baharu berkenaan kutipan caj beg plastik yang dikenakan oleh para peniaga kepada pengguna. Dasar baharu ini akan menetapkan kutipan caj beg plastik ini agar diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk digunakan bagi tujuan aktiviti dan program berkaitan alam sekitar. Penyelarasan semula kutipan ini juga adalah bertujuan untuk memastikan hasil kutipan dimanfaatkan bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dengan lebih berkesan dan diyakini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BAS SMART SELANGORKU**

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan memulakan perkhidmatan Bas Smart Selangor antara Pekan Meru dan Pekan kapar?

**JAWAPAN:**

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor antara Pekan Meru dan Pekan Kapar mula beroperasi pada 01 Ogos 2019. Syarikat bas yang telah di lantik adalah Syarikat Wawasan Sutera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : RUMAH GENERASI KEDUA FELDA SG TENGI SELATAN**

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci berapa peratus pembinaan rumah tersebut dan bila tarikh untuk penyerahan kunci kepada pemilik?
  
- b) Nyatakan syarat-syarat untuk memiliki rumah dan berapa harga rumah tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Peratus pembinaan kini adalah 85%. Beberapa kerja kemas bangunan dan kerja infrastruktur seperti kerja jalan, rektikulasi air dan tangki air ditangguhkan kerana kelulusan bekalan air masih belum dapat diluluskan oleh SYABAS. Kelewatan adalah disebabkan menangguhan projek menaikkan taraf Loji Rawatan Air Sungai Tengi oleh FELDA yang mana sepatutnya dilaksanakan pada 2018.

Tarikh penyerahan kunci dijangka pada Jun 2020 ( jika bekalan air interim dibenarkan oleh SYABAS) atau Ogos 2021 ( jika bekalan air kekal diperolehi dengan penyiapan kerja Menaiktaraf Loji Rawatan Air Sungai Tengi yang dilaksanakan oleh pihak FELDA).

- b) Hasil perbincangan oleh PKNS bersama pihak Felda, telah di persetujui seperti berikut :
  - i) Generasi kepada peneroka FELDA Asal
  - ii) Berkemampuan untuk membeli samada secara tunai atau pinjaman bank/institusi kewangan
  - iii) Kesemua nama pembeli akan diproses oleh FELDA mengikut syarat yang telah ditetapkan.
  - iv) Nama-nama pembeli yang layak akan dikemukakan oleh pihak FELDA kepada PKNS untuk tawaran.

Harga jualan rumah saiz lot piawai (30'x70') adalah RM97,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : PRESTASI AIR SELANGOR**

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini penstrukturan semula air Negeri Selangor?
  
- b) Apakah status terkini penggantian paip lama dan pencapaian NRW?

**JAWAPAN:**

- a) Penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah memasuki fasa akhir dengan pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) yang telah dimuktamadkan pada 24 April 2019 tempoh hari. Langkah seterusnya adalah untuk menamatkan perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada secara serentak supaya Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dapat beralih kepada model industri yang baru di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 ("Akta 655") pada tarikh yang telah ditetapkan iaitu 1 September 2019.
  
- b) Bagi program penggantian paip 2016 – 2018, Air Selangor telah dan sedang melaksanakan penggantian paip di 86 lokasi "hotspots", dimana 34 lokasi telah siap sepenuhnya manakala baki 52 "hotspots" akan siap secara berperingkat sehingga akhir tahun 2020. Bagi tahun 2019, sejumlah 148 "hotspots" lagi telah dikenalpasti dan sedang diperingkat rekabentuk.

Kadar peratusan NRW untuk 6 bulan dari Januari hingga Jun 2019 ialah 28.33% berbanding 30.50% pada tahun 2018..

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : ISU TAPAK SAMPAH HARAM**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak tindakan yang telah dikenakan terhadap pengusaha sampah haram selepas dibangkitkan pada sidang dewan yang lepas?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebuah garis panduan yang jelas dan seragam di semua PBT?
- c) Apakah tindakan yang telah dikenakan terhadap mereka?

**JAWAPAN:**

(a) dan (c) dijawab bersekali :-

Jumlah keseluruhan tindakan yang diambil oleh PBT kepada pengusaha sampah haram di bawah Undang-undang Kecil - Pembuangan, Pemungutan, dan Pelupusan Sampah Sarap adalah sebanyak **281 notis kesalahan** dan tindakan sitaan kenderaan sebanyak **220 sitaan**. Pecahan mengikut PBT adalah:-

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>Notis</b>	<b>Sitaan Kenderaan</b>
1.	MPKj	98	71
2.	MPSp	54	54
3.	MDKL	35	19
4.	MPS	29	29
<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>Notis</b>	<b>Sitaan Kenderaan</b>
5.	MPK	27	27
6.	MPSJ	14	2
7.	MBPJ	9	9
8.	MDKS	7	7
9.	MBSA	7	2
10.	MDHS	1	-
11.	MPAJ	tiada	tiada

12.	MDSB	tiada	tiada
		281	220

*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

- b) Kerajaan Negeri baru memperkenalkan sebuah *Standard Operation Procedure* (SOP) pada tahun ini iaitu melalui Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGS) Bil.1/2019 SOP Tindakan Penguatkuasaan Secara Bersepadu Bagi Menangani Tapak Pelupusan Dan Pembuangan Sampah Haram Di Negeri Selangor. SOP ini adalah bagi menyeragamkan tindakan dan panduan kepada semua pegawai dan kakitangan unit atau bahagian penguatkuasaan di Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas tapak pelupusan sampah haram.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : SKIM SMART SEWA**

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Skim Smart Sewa memanfaatkan mereka yang tidak mampu membayar sewaan pasaran memandangkan harga sewaan unit di bawah skim ini tidak berbeza dengan harga sewaan pasaran?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan objektif utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan dan masih belum memiliki kediaman supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatutan berbanding harga pasaran. Ini kerana kadar sewaan yang diberikan adalah lebih rendah sekitar 10% daripada kadar pasaran. Selain itu, penyewa juga akan diberikan pemulangan sewaan (refund) sebanyak 30% daripada kadar sewa yang dibayar. Secara keseluruhan, penyewa telah menikmati kadar sewa yang jauh lebih rendah sekitar 40% berbanding kadar sewaan pasaran sebenar.

Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan bersih kepada pemohon maka wang tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui LPHS akan memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit dengan pemohon memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PENGIKTIRAFAN UEC**

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa bilangan mahasiswa yang telah menerima oleh UNISEL dan KUIS dengan kelayakan sijil UEC?
  
- b) Apakah pendirian kerajaan Negeri Selangor berkenaan pengikytirafan sijil UEC?

**JAWAPAN:**

- a) i. UNISEL ada membuat beberapa tawaran kemasukan terhadap pemohon yang menggunakan sijil UEC tetapi pemohon berkenaan **tidak datang** mendaftar diri.

Sebagai usaha proaktif bagi program yang melibatkan kaum Cina, UNISEL telah mengadakan beberapa kunjungan ke kawasan yang majoritinya kaum Cina seperti ke Pulau Ketam dan kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Pelek bagi tujuan memperkenalkan UNISEL kepada komuniti setempat.

Bagi menunjukkan komitmen UNISEL terhadap kaum Cina, ditubuhkan Persatuan Bahasa Mandarin bagi memberi nilai tambah kepada skil mahasiswa UNISEL terutama penguasaan Bahasa tambahan. Selain itu bagi memberi ruang untuk UNISEL menyumbang ke dalam komuniti secara lebih holistik terutama merentas batasan kaum.

- ii. Setakat ini pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) belum menerima sebarang permohonan daripada calon-calon yang memiliki kelayakan Sijil Unified Examination Certificate (UEC) atau Sijil Peperiksaan Bersama walaupun terdapat ketetapan syarat oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi penawaran program di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda KUIS.

Terdapat 4 program yang menyatakan keperluan kepada syarat UEC iaitu:

1. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian) (Kepujian)
2. Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dengan Multimedia (Kepujian)
3. Diploma Multimedia
4. Diploma Sains Komputer

Namun demikian, sehingga kini, tiada calon lepasan UEC membuat permohonan kemasukan ke KUIS.

- b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang ke 33/2015 pada 21 Oktober 2019 dan telah disahkan pada pada 28 Oktober 2015 telah memutuskan dan meluluskan cadangan mempelbagaikan syarat-syarat kelayakan kemasukan ke institusi pengajian tinggi di bawah kerajaan negeri seperti Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PERTANIAN**

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan pertanian di daerah Hulu Langat?

**JAWAPAN:**

- a) Antara langkah Kerajaan bagi pembangunan pertanian di daerah Hulu Langat adalah seperti berikut:

**i. Pembangunan dusun buah-buahan**

Daerah Hulu Langat mempunyai dusun-dusun lama dan mempunyai potensi dimajukan dengan penanaman pelbagai varieti durian seperti Musang King (D197), Bukit Merah (D24), Hajah Hasmah atau IOI (D168), tanaman nangka Tekam Yellow (J33) dan lain-lain tanaman dengan klon atau varieti yang bernilai tinggi serta memenuhi permintaan pasaran. Projek dibangunkan melalui pendekatan secara berkelompok ataupun secara komersil. Permohonan insentif atau bantuan meningkat pada setiap tahun bagi memajukan projek tanaman dusun buah-buahan sama ada projek baru ataupun dusun lama.

**ii. Pembangunan Tanah terbiar**

Program ini terbuka kepada pemohon untuk menyertai projek pembangunan tanah terbuka dengan syarat kelayakan tanah minima seluas 2 hektar untuk menjalankan pelbagai projek tanaman makanan seperti tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, herba, tanaman kontan dan lain-lain.

**iii. Pembangunan Projek Fertigasi**

Pembangunan projek fertigasi rock melon, cili, timun dan pelbagai tanaman dapat menarik minat agroprenuer muda menceburi bidang pertanian. Permintaan rock melon dan cili dipasaran serta penggunaan teknologi terkini berupaya menarik golongan muda menceburi bidang ini secara meluas dan penggunaan tanah yang maksima.

**iv. Pembangunan tanaman bunga-bunga dan hiasan**

Pembangunan industri hiasan dan bunga-bunga berpotensi dimajukan berdasarkan permintaan pasaran. Kewujudan taman perumahan dan pembangunan lain meningkatkan peluang-peluang perniagaan kepada usahawan yang mengeluarkan tanaman hiasan atau landskap.

**v. Pembangunan industri cendawan**

Peningkatan permintaan pasaran cendawan mewujudkan peluang dalam mengusahakan cendawan secara komersil. Pelbagai jenis penghasilan cendawan diusahakan oleh pengusaha dengan menggunakan teknologi moden serta penghasilan yang tinggi beserta potensi pasaran yang ada. Penggunaan bangunan atau tanah yang minima mampu menjana pendapatan usahawan dalam bidang ini.

**vi. Pembangunan TKPM**

Terdapat 2 Tanam Kekal Pengeluaran Makanan Hulu Langat iaitu TKPM Semenyih dan TKPM Batang Si. TKPM Semenyih berkeluasan 38 hektar dengan 8 peserta manakala TKPM Batang Si berkeluasan 58 hektar diusahakan oleh 13 peserta. Tanaman utama nangka dan belimbing diusahakan disamping tanaman lain iaitu sayur-sayuran dan tanaman kontan.

**vii. Latihan**

Pelbagai kursus dan latihan diadakan di pusat flora cheras dan juga peringkat negeri selangor dalam menawarkan kursus-kursus tanaman dan industri hiliran pertanian. Kursus dianjurkan secara percuma dan bulanan terbuka kepada semua yang berminat menceburi bidang pertanian.

**viii. Pertanian Bandar**

Keluasan tanah bandar yang terhad dan kepadatan penduduk bandar mewujudkan peluang melaksanakan program pertanian bandar dan kebun komuniti di kawasan perumahan, flat, pangsapuri dan komuniti. Jabatan pertanian turun menjayakan pelbagai projek pertanian bandar diatas kapasiti permintaan komuniti, pertubuhan awam dan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta. Pelbagai kursus dan program dilaksanakan bagi menggalakkan program ini bagi mengeluarkan tanaman makanan sendiri yang segar, berkualiti dan selamat dimakan. Antara projek yang sedang dibangunkan ialah memperkenalkan smart farm, akuaponik dan IOT seperti di Pandan Jaya.

**ix. Pensijilan myGAP dan myOrganic**

Peningkatan pengeluaran sijil myGAP dan myOrganic menunjukkan kesedaran pada pengusaha projek pertanian dalam mengeluarkan tanaman berkualiti serta selamat dimakan. Jabatan pertanian melaksanakan penerangan dan

kepentingan berkaitan pensijilan ini bagi memastikan produk yang dihasilkan mematuhi keselamatan makanan sekaligus memberi kesedaran kepada pengusaha dalam memastikan tanaman diusahakan mengikut peraturan dan kaedah yang selamat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KEBANJIRAN WARGA ASING**

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah banjir warga asing yang menjadi peniaga kedai makan, runcit dan gunting rambut

**JAWAPAN:**

- a) Pihak kerajaan menerusi agensi penguatkuasaan terutamanya Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalankan operasi secara berterusan bagi mengekang dan mengawal banjir warga asing termasuk peniaga kedai makan, kedai runcit dan gunting rambut. Pekerjaan ini dikategorikan dalam sektor perkhidmatan dimana pekerja memerlukan Pas Lawatan (kerja sementara) atau PLKS yang sah bagi sektor perkhidmatan.

Proses pemeriksaan keatas warganegara asing ini turut melibatkan lesen perniagaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sebarang ketidakakuran terhadap undang-undang, tindakan penguatkuasaan oleh agensi berkaitan turut dikenakan termasuk pendakwaan di mahkamah mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Mengikut statistik, Jabatan Imigresen telah menjalankan sebanyak 529 operasi sehingga bulan Julai 2019 di seluruh negeri Selangor bagi mengatasi dan mengawal banjir warganegara asing di negeri ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak 281 operasi telah dijalankan bagi sektor perkhidmatan yang turut melibatkan ketiga-tiga kategori pekerjaan ini. Selain daripada itu, dalam tempoh yang sama pihak Jabatan Imigresen telah menjalankan sebanyak 101 operasi bersepadu yang turut melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia ( PDRM ).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : LOJI RAWATAN AIR**

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci hasil kajian berkaitan pembangunan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih.
  
- b) Nyatakan kos yang telah digunakan dalam kajian tersebut.

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Terdapat dua (2) Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, iaitu LRA Semenyih 1 dan LRA Semenyih 2. LRA Semenyih 1 terletak di hilir Sungai Semenyih dan dibina pada 1986. Manakala LRA Semenyih 2 dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2016 dan mula dioperasikan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) pada 01 Mac 2018 dengan pengeluaran air terawat sebanyak 100 JLH. Kos pembangunan LRA Semenyih 2 adalah sebanyak RM185.6 juta merangkumi kos pembinaan sebanyak RM173.0 juta , Kos Pengambilan Balik Tanah sebanyak RM4.0 juta dan Bayaran Caj Sambungan TNB sebanyak RM 8.6 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH**

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah kaedah pelupusan sampah dgn teknologi *incenerator* dapat mengatasi masalah sampah?
  
- b) Sejauh manakah kempen pengasingan 3R berjaya dilaksana?

**JAWAPAN:**

- a) Negeri Selangor menghasilkan sejumlah 7,000 tan sisa pepejal perbandaran sehari. Sisa pepejal di Negeri Selangor dijangka meningkat dengan anggaran kadar 2 peratus setiap tahun disebabkan pembangunan yang semakin pesat dan penambahan penduduk.

Tapak pelupusan memerlukan sejumlah tanah yang besar. Apabila sesebuah tapak pelupusan mencapai kapasiti, tanah yang lebih besar, juga sesuai sebagai tapak pelupusan sanitari, diperlukan untuk menampung pertambahan sisa yang seterusnya.

Selaras dengan usaha mengenal pasti kaedah pengurusan pepejal yang lebih mampan, Kerajaan Negeri Selangor telah pun meneliti dan meneroka teknologi baru untuk pengurusan sisa pepejal Negeri Selangor untuk masa hadapan. Dalam hal ini, KNS telah melantik syarikat Worldwide Holdings Berhad (WHB) untuk membangunkan teknologi tenaga sisa (WTE).

Footprint guna tanah pembangunan WTE ini adalah sangat kecil berbanding dengan keperluan tanah secara landfilling. Dalam tempoh 30 tahun akan datang, loji WTE hanya memerlukan sebanyak 30 ekar tanah sahaja, berbanding tapak pelupusan yang memerlukan lebih kurang 660 ekar dalam tempoh yang sama untuk tujuan pelupusan sisa pepejal. Dianggarkan penjimatan tanah pembangunan teknologi WTE adalah sebanyak 95%.

Selain penggunaan tanah yang kecil, teknologi WTE juga boleh mengurangkan



kesan terhadap alam sekitar seperti bau, pencemaran alam sekitar, dan isu kesihatan yang kerap dikaitkan dengan sisa pepejal, di samping boleh menghasilkan bekalan tenaga tambahan (energy recovery).

Tapak Pelupusan Sanitari Jeram (TPSJ) merupakan tapak pelupusan sisa pepejal yang terbesar di Malaysia mengikut jumlah isi padu sisa pepejal yang diterima oleh kemudahan tersebut pada setiap hari. Pembangunan teknologi WTE yang tidak dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan boleh memberi kesan ketara kepada kapasiti penerimaan sisa pepejal di TPSJ yang dijangka akan mencapai kapasiti penuh dalam tempoh tiga tahun lagi. Menjelang 2022, sebarang kelewatan pembangunan WTE tersebut akan mengakibatkan gangguan serius terhadap pengurusan sisa pepejal di Negeri Selangor yang akan memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Kemudahan WTE merupakan salah satu komponen sistem Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) yang akan dibangunkan di Jeram, Kuala Selangor. Selain WTE, ISWMC juga akan menempatkan komponen-komponen lain seperti pusat perolehan semula sumber (MRF), loji pencernaan anaerobik (AD), loji pemprosesan kompos dan pusat penyelidikan sebagai suatu usaha holistik pengurusan sisa pepejal untuk seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : LANGKAH MENINGKATKAN HASIL NEGERI**

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah bagi meningkatkan hasil Negeri Selangor selain daripada cukai dan premium tanah?
  
- b) Jika ada, bolehlah menyenaraikan langkah-langkah tersebut?

**JAWAPAN:**

(a) dan (b) dijawab bersekali :-

Langkah-langkah selain bagi meningkatkan hasil selain daripada cukai dan premium tanah adalah:

- (i) pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebih tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;
  
- (ii) Penguatkuasaan oleh Unit Cukai Hiburan Perbendaharaan Negeri Selangor ke atas pengusaha Pusat Hiburan / Panggung Wayang / Taman Tema / Litar Lumba / Pertunjukan Pentas bagi memastikan duti hiburan diterima oleh Kerajaan Negeri;
  
- (iii) pengenaan Caj Royalti bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;
  
- (iv) pengenaan Caj Fi Premium Kawasan, Permit Penggunaan serta caj fi-fi yang berkaitan penggunaan kawasan Hutan Simpanan Kekal dan pengeluaran hasil hutan berdasarkan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan) 2017 yang telah dinaikkan kadar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;

- (v) melaksanakan semakan semula kadar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar pada 11 tahun dahulu;
- (vi) merangka pengenaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan di dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri;
- (vii) melaksanakan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan; dan
- (viii) merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur). Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KAMPUNG BUNGARAYA SEKSYEN U6 SHAH ALAM - JANJI KERAJAAN  
KEPADA LEBIH 90 KELUARGA SEJAK 1993 (PENEMPATAN)**

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan yang telah dilakukan sejak 2008 untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- b) Apakah tindakan kerajaan yang sedang dilakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- c) Apakah tindakan Kerajaan yang akan dilakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memadankan (*match making*) rumah kos rendah di pembangunan Unique Creation Sdn. Bhd. di Seksyen U5 Shah Alam kepada pemilik tanah Sinar Fadzilat (M) Sdn. Bhd. untuk ditawarkan kepada 90 keluarga penghuni rumah panjang Kampung Bungaraya. Namun pembangunan rumah kos rendah tersebut terbengkalai dan syarikat Unique Creation Sdn. Bhd. diisytihar bankrupt. Pembangunan tersebut telah diambil alih oleh pemaju penyelamat ECL Management Sdn. Bhd. untuk menyiapkan projek tersebut namun sehingga kini pemaju masih tidak menyelesaikan hal-hal tanah dan pelan bangunan.
- b) Tanah yang didiami oleh 90 keluarga rumah panjang Kampung Bungaraya dahulu adalah merupakan milik Sinar Fadzilat (M) Sdn. Bhd. dan telah dijual kepada Dania Emas (M) Sdn. Bhd., Pemilik tanah Dania Emas (M) Sdn. Bhd. telah menawarkan unit kediaman mampu milik yang terletak di PPRT Lembah Subang dan penduduk menolak tawaran tersebut dan enggan berpindah. Pemilk Dania Emas (M) Sdn. Bhd. telah Berjaya mendapatkan perintah mahkamah untuk penduduk yang terlibat mengosongkan kediaman / tanah mereka, namun penduduk masih enggan berpindah.

- c) Tanah tersebut adalah merupakan milik persendirian oleh pemaju Tetuan Dania Emas (M) Sdn. Bhd. dan bertanggungjawab menyelesaikan isu penempatan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : CONTINUOUS EMISSIONS MONITORING SYSTEM (CEMS)**

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Continuous Emissions Monitoring System (CEMS) merupakan teknologi untuk memantau kandungan bahan pencemar untuk semua gas yang dilepaskan ke atmosfera dari cerobong kilang. Adakah pengawal ini wajib dipasang di setiap kilang di Selangor dan Jabatan manakah yang mengawal selia data ini?

**JAWAPAN:**

- a) *Continuous Emission Monitoring System* (CEMS) atau Sistem Pemantauan Pelepasan Berterusan dibangunkan oleh JAS Ibu Pejabat pada tahun 2006 dan diluaskan kepada JAS Negeri mulai tahun 2013 bertujuan untuk membantu Jabatan Alam Sekitar dalam pemantauan gas-gas pencemar seperti karbon monoksida, sulfur dioksida, nitrogen dioksida, Hidrogen fluoride, Total PM dan kelegapan (asap) daripada pelbagai premis industri seperti kilang kelapa sawit, kilang simen, loji janakuasa elektrik, industri petrokimia dan sebagainya. Keperluan ini juga merupakan pendekatan yang diambil menerusi *self regulatory* bagi memenuhi kehendak dan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

CEMS hanya wajib dipasang bagi jenis-jenis industri yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 iaitu industri yang terlibat dalam: .

- a. pembakaran bahan api termasuk penjanaan kuasa dan haba dalam dandang, turbin;
- b. Pengeluaran dan pemprosesan logam ferus (kilang besi dan keluli);
- c. Foundri logam ferus dan logam bukan ferus;
- d. Industri minyak dan gas;
- e. Industri bukan logam (mineral) dalam pembuatan simen

- f. Semua loji tetap pencampuran asfalt.
- g. Industri pulpa dan kertas, termasuk pengitaran semula kertas;
- h. Industri kimia dan petrokimia
- i. Industri yang menggunakan pelarut melebihi 200 tan setahun; dan
- j. Pembakar bahan buangan bagi semua saiz.

Pelepasan dan operasi sistem ini dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS TAPAK PEMINDAHAN BAHARU PENIAGA SUSUR UKAY  
PERDANA**

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tapak pemindahan baharu yang dijanjikan kepada 39 peniaga yang diusir akibat pembinaan lebuh raya EKVE di susur Ukay Perdana yang telah berlarutan lebih dari 2 tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan keputusan pihak Kerajaan Negeri, 39 senarai peniaga yang disahkan oleh kerajaan Negeri akan diberikan bayaran "ex-gratia" oleh pihak EKVE Sdn BHD sebanyak RM8,000 seorang. Peruntukan tersebut telah disediakan, tetapi hanya 2 penama sahaja yang baru membuat tuntutan ke atas duit tersebut. Manakala bagi cadangan tapak ganti bagi peniaga-peniaga, kerajaan negeri, PTD Gombak dan pihak MPAJ tidak pernah berjanji untuk menyediakan penempatan baru peniaga.